


JPNIN agih 800 bubur lambuk di Betong



BETONG: Sebanyak 800

bungkus bubur lambuk telah

berjaya diagihkan kepada

masyarakat di bahagian

Betong melalui program

yang dilancarkan serentak di

seluruh negara bertemakan

'Masak-masak Bubur

Lambuk, Iktan Perpaduan

Terus Dipupuk' anjuran

Jabatan Perpaduan Negara

dan Integrasi Nasional

(JPNIN) di sini, kelmarin.

Aktiviti ini turut melibatkan

penyertaan dan kerjasama

ahli-ahli Kawasan Rukun

Tangga (KRT).

Objektif program ini

dianjurkan adalah untuk

merakytakan perpaduan

sebagai prinsip utama

aspirasi Keluarga Malaysia

dan memastikan program-

program perpaduan dapat

dilihat, didengari dan drasai

seluruh rakyat.

ERATKAN PERPADUAN: Sebahagian ahli KRT merakam gambar bersama tetamu kehormat setelah

selesai aktiviti memasak dan mengagihkan bubur lambuk, kelmarin.

Malaysia.

Bagi merealisasikan

aspirasi perpaduan Keluarga

Malaysia, pelaksanaan

program tersebut telah

mengambil kira beberapa

perkara-perkara.

Antaranya ialah aktiviti

dilaksanakan secara gotong-

royong oleh komuniti

tempat pelbagai kaum,

memasak bubur lambuk

semasa bulan Ramadan serta

menjadikan acara memasak

bubur lambuk sebagai tapak

integrasi untuk memupuk

semangat permuafakatan dan

penyatuan Keluarga

yang berkesan untuk

sebagai salah satu pelantar

komuniti Rukun Terangga

mempromosikan peranan

meperkasa dan

Selain itu juga, bubur

lambuk turut diagihkan secara

pandu lalu bagi penduduk

sekitar kawasan Debak.

Turut menerima agihan

bubur tersebut ialah pihak

pengurusan rumah ibadat

seperti Tua Pek Kong Debak,

Gereja St Christophor Debak,

termasuk juga pihak Balai

Polis Debak.

Hadir sama dalam

menjayakan program ini

ialah Temengging Plee

Menteri Pembangunan

Wanita, Kanak-Kanak dan

Kesejahteraan Komuniti

Negeri Sarawak Mohd Razi

Siang, Penghulu Kampung

Debak Abang Kijrawai JPNIN

Rukairi, Pegawai JPNIN

Ted dan Ketua Balai Polis

Baghian Betong Thompson

Debak Sarjan Bedindang.

umum di luar KRT dan

lokasi yang strategik seperti

di rumah ibadat bukan Islam

dan yang bersesuaian untuk

menyemarakkan semangat

Keluarga Malaysia.

Program yang dilaksanakan

di Masjid Darul Solihin

Kampung Debak melibatkan

10 KRT iaitu KRT Debak

Laut Hulu, KRT Debak Laut

Hilir, KRT Babu Hulu, KRT

Babu Hilir, KRT Bungey

Hulu, KRT Bungey Hilir,

KRT Lalang Hulu, KRT

Lalang Hilir, KRT Kampung

Melayu dan KRT Rumah

Blassau.

Bubur lambuk yang telah

siap dimasak diagihkan

kepada semua penduduk

tempat seperti golongan

asnaf, orang tua, OKU dan

juga penduduk setempat.